



KERAJAAN NEGERI SABAH

PEKELILING
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.10/2025
GARIS PANDUAN PELANTIKAN PENERUSI,
AHLI LEMBAGA PENGARAH (ALP) DAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF (CEO) / PENGARAH URUSAN (MD) /
PENGURUS BESAR (GM) SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
(GLC), BADAN BERKANUN NEGERI (BBN) DAN
BADAN PEMEGANG AMANAH (BPA)



KERAJAAN NEGERI SABAH

[KEW 100-4/4 JLD.11 (25)]

27 MAC 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Syarikat Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Badan Pemegang Amanah

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.10/2025
GARIS PANDUAN PELANTIKAN PENERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH
(ALP) DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) / PENGARAH URUSAN (MD) /
PENGURUS BESAR (GM) SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (GLC),
BADAN BERKANUN NEGERI (BBN) DAN BADAN PEMEGANG AMANAH (BPA)

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan Garis Panduan Pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) / Pengarah Urusan (MD) / Pengurus Besar (GM) bagi Syarikat Kerajaan Negeri Sabah (GLC), Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Badan Pemegang Amanah (BPA) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Kabinet Negeri Sabah pada 12 Februari 2025.

“SABAH MAJU JAYA”

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis panduan ini mengambil kira saranan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah melaksanakan pemantauan terhadap tadbir urus GLC Negeri Sabah sepanjang tempoh September 2023 hingga September 2024.
- 2.3 Hasil pemantauan mendapati terdapat keperluan untuk menambah baik proses pelantikan bagi memperkukuhkan integriti, kecekapan, dan ketelusan tadbir urus GLC Negeri Sabah.
- 2.4 Mesyuarat Jemaah Kabinet Negeri Sabah meluluskan Garis Panduan Pelantikan ini pada 12 Februari 2025 untuk dilaksanakan secara menyeluruh dalam pelantikan Pengerusi, ALP dan CEO/MD/GM GLC, BBN dan BPA Negeri Sabah.

3. PEMISAHAN TANGGUNGJAWAB (SEGREGATION OF DUTIES)

- 3.1 Jawatan Pengerusi, ALP dan CEO/MD/GM sesebuah Agensi hendaklah dilantik dalam kalangan individu yang berbeza bagi mengelakkan "*Conflict of Interest*" dan mengurangkan risiko penyalahgunaan kuasa.
- 3.2 Pegawai atau individu yang sedang memegang jawatan Pengerusi/CEO/MD/GM di sesebuah GLC, BBN dan BPA tidak dibenarkan memegang jawatan Pengerusi/CEO/MD/GM di mana-mana anak syarikat yang dimiliki Agensi berkenaan.

4. KRITERIA PELANTIKAN

- 4.1 Kriteria Pelantikan Pengerusi, ALP dan CEO/MD/GM adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A.
- 4.2 Perlantikan seseorang individu sebagai Pengerusi/CEO/MD/GM adalah dihadkan kepada LIMA (5) buah Agensi dan mana-mana anak syarikat Agensi Awam sahaja.
- 4.3 Pegawai Kerajaan (*Ex-Officio*) yang dilantik sebagai Pengerusi atas kapasiti jawatan yang disandangnya dalam Kerajaan, adalah diberikan kelonggaran ke atas had yang dinyatakan dalam para 4.2.

“SABAH MAJU JAYA”

- 4.4 Kriteria Pelantikan ini juga terpakai ke atas pelantikan Ahli Silih Ganti (Alternate Directors) bagi Ex-Officio yang dilantik sebagai Pengerusi atau ALP sesebuah GLC, BBN dan BPA atas kapasiti jawatannya dalam Kerajaan.

5. PELAKSANAAN GARIS PANDUAN


- 5.1 Garis Panduan Pelantikan ini adalah berkuatkuasa ke atas pelantikan Pengerusi, ALP dan CEO/MD/GM bagi semua Agensi Awam termasuk GLC, BBN dan BPA Negeri Sabah.
- 5.2 Mana-mana Pengerusi, ALP atau CEO/MD/GM yang telah dilantik sebelum Garis Panduan ini berkuat kuasa dan tidak memenuhi kriteria terkini, perlu dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan.
- 5.3 Bagi Perkara 5.2, tertakluk kepada kelulusan khas dari Kementerian Kewangan, individu berkenaan boleh dibenarkan untuk terus memegang jawatan yang berkenaan sehingga tempoh lantikan sedia ada tamat atau satu tarikh yang ditetapkan.
- 5.4 Pelantikan baharu atau lanjutan selepas tempoh itu hendaklah mematuhi kriteria Garis Panduan ini.
- 5.5 Bagi pelantikan baru, setiap GLC, BBN dan BPA adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Kementerian Kewangan sekiranya seseorang penama yang telah dilantik atau dicadangkan untuk dilantik sebagai Pengerusi, ALP atau CEO/MD/GM tidak memenuhi Kriteria Pelantikan yang dinyatakan.
- 5.6 Kelulusan khas boleh diberikan kepada individu yang tidak memenuhi Kriteria Pelantikan untuk dilantik sebagai Pengerusi, ALP atau CEO/MD/GM sesebuah GLC, BBN dan BPA atas sebab-sebab tertentu.
- 5.7 Semua GLC, BBN dan BPA hendaklah mengemukakan Dokumen Sokongan bagi setiap Kriteria Pelantikan bagi Pengerusi, ALP dan CEO/MD/GM masing-masing ke Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengawal masing-masing selewat-lewatnya pada 31 JULAI 2025 (bagi lantikan sedia ada) atau dalam tempoh 3 BULAN dari tarikh pelantikan (bagi lantikan baru).

- 5.8 Tarikh mula dan tarikh tamat lantikan hendaklah dinyatakan dalam surat pelantikan. Bagi pelantikan yang tidak dinyatakan tarikh tamat pelantikan sebelum ini, tempoh pelantikan adalah dianggap setahun dari tarikh mula lantikan atau tarikh Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Agensi berkenaan, yang mana lebih awal.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK MOHD SOFIAN ALFIAN NAIR)

Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan

/PAP

“SABAH MAJU JAYA”

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Peguam Besar
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Aras 22 & 23, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Bahagian Kabinet dan Dasar
Jabatan Ketua Menteri
Aras 27, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Audit Dalam Negeri
Tingkat 7-11, Blok B
Wisma Tun Fuad Stephens
Jalan Tuaran, Karamunsing
88646 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Audit Negara Negeri Sabah
Wisma Audit Sabah
KM 2.4, Jalan Tuaran
Beg Berkunci No. 2021
88400 KOTA KINABALU

LAMPIRAN A

**KRITERIA PELANTIKAN PENERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH (ALP)
DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) / PENGARAH URUSAN (MD) /
PENGURUS BESAR (GM) SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (GLC),
BADAN BERKANUN NEGERI (BBN) DAN BADAN PEMEGANG AMANAH (BPA)**

Kriteria	Pengerusi/ CEO/ MD / GM	Ahli Lembaga Pengarah
Kelayakan Pendidikan	Minima Ijazah Sarjana Muda atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.	Minima Diploma atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.
Pengalaman	Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun berkhidmat dalam industri berkaitan dan/atau mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan, perundangan, perakaunan atau kewangan. ATAU Sedang atau pernah memegang jawatan sekurang-kurangnya Gred 13 dalam Perkhidmatan Awam Negeri atau Persekutuan.	Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun berkhidmat dalam industri berkaitan dan/atau mempunyai pengalaman dalam bidang perniagaan, perundangan, perakaunan atau kewangan. ATAU Memegang jawatan sekurang-kurangnya Gred 9 dan telah disahkan dalam perkhidmatan
Tapisan Keutuhan	a) Melepasi Tapisan Insolvensi b) Melepasi Tapisan SPRM	
Had Umur	Tidak melebihi umur 80 Tahun	